

KERATAN AKHBAR

ORIENTAL DAILY NEWS

TARIKH: 05 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: A6

PAHANG MUNGKIN JADI TAPAK PELUPUSAN SISA LYNAS

[BANGKOK] Pahang mungkin dipilih menjadi lokasi tempat pembuangan sisa LYNAS sekiranya ia diputuskan selamat oleh pakar, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata LYNAS Corporation bersetuju untuk mewujudkan tapak pelupusan kekal bagi mengelakkan sebarang kemudaratan kepada penduduk. "LYNAS sudah bersetuju untuk mewujudkan tapak pelupusan tetap cuma kita perlu kenalpasti tempat yang boleh dibuang. Sisa buangan ini tidak memberikan kesan buruk kepada aspek kesihatan penduduk.

"Kemungkinan ia (tapak pelupusan) adalah di Pahang atau mungkin di negeri lain. Sisa ini tidak bahaya dan mempunyai kesan radiasi yang sedikit. "Cuma ada orang yang tidak selesa dan sebab itu kita perlu pastikan mereka selesa. "Kita perlu beritahu orang awam perkara yang betul. Ada pihak yang cuba beritahu perkara tidak betul. Sisa ini tidak memberikan ancaman," katanya di sini hari ini.

Tambah Dr Mahathir kerajaan sudah menghantar pasukan pakar untuk mengkaji operasi LYNAS dan mendapati ia tidak membahayakan. "Sisa buangan harus diuruskan dan lebih baik jika dihantar keluar negara namun tidak akan ada negara yang mahu menerima. Justeru cadangan adalah melupuskan sisa di kawasan bukan kawasan perumahan," katanya.

Tambah Dr Mahathir kerajaan tidak boleh menghentikan operasi LYNAS kerana ia akan menjejaskan persepsi pelaburan asing di Malaysia. "(Jika kita hentikan LYNAS) Pelaburan Langsung Asing (FDI) akan terjejas dan pelabur merasakan kita tidak berpegang kepada janji. Kita harus berhati-hati," tambahnya,

Ditanya soal tentangan beberapa pemimpin Pakatan Harapan terhadap LYNAS, Dr Mahathir berkata keputusan untuk menutup LYNAS dibuat ketika menjadi pembangkang. "Ketika itu tidak ada banyak maklumat dan kita hanya percaya Lynas mempunyai kesan buruk. Namun setelah menjadi kerajaan, kita kaji dan dapati ia tidak mempunyai kesan buruk," katanya.

Sementara itu kerajaan Australia berharap Malaysia akan menarik semula sekatan yang dikenakan ke atas LYNAS. "Mereka berharap kita menarik semula sekatan dan sudah tentu kita akan putus dalam tempoh tiga bulan.

"LYNAS berhasrat untuk menambah pelaburan di Malaysia dan ini adalah pelaburan bernilai besar," katanya selepas bertemu Perdana Menteri Australia Scott Morrison dalam mesyuarat dua hala.

Pada 15 Ogos lalu kerajaan bersetuju untuk menyambung lesen operasi LYNAS dengan syarat ia mewujudkan tapak pelupusan kekal bagi sisa buangan radioaktif.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN